



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN

PEKELILING PENTADBIRAN BIL. 19/2020

PELANJUTAN TEMPOH PELAKSANAAN PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN BERSYARAT (PKPB) HINGGA 9 JUN 2020

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai pelanjutan tempoh pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) hingga 9 Jun 2020 sepertimana pengumuman oleh YAB Perdana Menteri Malaysia pada 10 Mei 2020.
2. Semua kampus **AKAN BEROPERASI SEMULA PADA 17 Mei 2020 (Ahad)**. Pengoperasian UMK akan dilaksanakan melalui konsep penggiliran kerja dan Bekerja Dari Rumah (BDR). Ketua Pusat Tanggungjawab (PTj) perlu menyusun jadual penggiliran kerja bagi semua staf di bawah seliaan masing-masing. Semua warga UMK diminta merujuk kepada Garis Panduan Pengoperasian UMK Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).
3. Semua warga UMK dikehendaki mematuhi Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang dikeluarkan oleh Kerajaan.
4. Semua warga UMK dipohon mengambil maklum mengenai pekeling ini serta sentiasa mengikuti perkembangan dari semasa ke semasa berkaitan COVID-19 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia dan Pusat Kesihatan Universiti.
5. Semua warga UMK juga diminta untuk sentiasa mengambil cakna sebarang pemberitahuan oleh pihak universiti yang akan dikeluarkan dari semasa ke semasa melalui e-mel, portal serta media sosial rasmi universiti.
6. Pengurusan UMK mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua petugas kesihatan dan keselamatan, staf, pelajar dan semua pihak yang telah bertungkus-lumus dalam menghadapi krisis ini.

7. Pengurusan UMK juga menyeru agar warga UMK mendoakan keselamatan, perlindungan dan kesihatan semua dalam menghadapi wabak COVID-19 ini.
8. Pekeliling ini berkuat kuasa mulai 13 Mei 2020 hingga 9 Jun 2020.

Sekian, terima kasih.

“RAJA BERDAULAT, RAKYAT MUFAKAT, NEGERI BERKAT”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



MAZULA BINTI SABUDIN

Pendaftar

11 MEI 2020

- s.k
- Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab
 - Fail Edaran